

**DATE:** 25 JULY 2014  
**PUBLICATION:** UTUSAN MALAYSIA  
**SECTION:** BUSINESS SECTION  
**HEADLINE:** REACH ENERGY THE LARGEST SPAC  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 224 CMSQ

## Reach Energy, SPAC terbesar


KUALA LUMPUR 24 Julai - Syarikat khas pengambilan alih (SPAC), Reach Energy Bhd. (Reach Energy), hari ini melancarkan prospektus untuk tawaran awam permulaannya (IPO), dengan terbitan satu bilion saham pada harga RM0.75 sesaham berserta satu waran boleh cerai percuma untuk setiap satu saham yang diterbitkan.

Peletakan harga itu membolehkan syarikat meraih dana sebanyak RM750 juta, sekali gus menjadikan Reach Energy sebagai SPAC terbesar yang pernah disenaraikan di Bursa Malaysia.

Saham syarikat itu dijangka disenaraikan pada 15 Ogos ini dan diklasifikasikan sebagai patuh syariah. Hong Leong Investment Bank Bhd. bertindak selaku penasihat utama, ejen penempatan dan penaja jamin untuk penyenaaran tersebut.

Sebanyak 980 juta daripada satu bilion saham itu diperuntukkan untuk pelabur-pelabur terpilih, manakala baki 20 juta saham lagi tersedia untuk langgan orang awam Malaysia, menurut kenyataan di sini hari ini.

Pengerusi Reach Energy, Izlan Izhah berkata, syarikat kini bersedia untuk disenaraikan Ogos ini dan ketika ini sahamnya mendapat sambutan baik daripada kalangan institusi pendanaan terkemuka, korporat dan in-



**DARI kiri, Ketua Pegawai Kewangan Reach Energy, Azmi Arshad, Shahul Hamid Mohd. Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Investment Bank Bhd., Lee Jim Leng dan Izlan Izhah bergambar bersama prospektus Reach Energy di Kuala Lumpur, semalam.**

dividu yang bernilai tinggi.

Hasil dana yang bakal diperolehi itu, 94.75 peratus atau RM710.62 juta akan ditempatkan dalam akaun amanah Islam melalui perjanjian yang ditandatangani dengan AmanahRaya Trustees Bhd. pada 26 Jun lalu.

Reach Energy menjangka mencipta pasaran modalnya bernilai RM958 juta berdasarkan harga IPO RM0.75.

Sementara itu, Pengarah Urusannya, Shahul Hamid Mohd. Ismail berkata, syarikat yakin untuk men-

dapatkan aset dan menguruskannya dengan baik.

"Kita seharusnya dapat mencapai objektif memandangkan barisan pengurusan syarikat mempunyai pengalaman yang baik di dalam aktiviti berkaitan minyak dan gas (O&G). Melalui IPO, kami berkedudukan baik untuk membeli lapangan minyak yang telah dibangunkan dan mencipta pendapatan untuk pertumbuhan masa depan syarikat," katanya.